

# PERDANA

19 JUN 2017 BERSEKUTUAN 24 RAMADHAN 1438H | 9.00 PAGI | MASJID UMS



**SEKITAR** Kempen Malaysia QuranHour.

## UMS jayakan Malaysia QuranHour

UB 27.6.2017 AH

**KOTA KINABALU:** Kakitangan dan pelajar Universiti Malaysia Sabah (UMS) turut menjayakan kempen Malaysia QuranHour, bacaan al-Quran selama sejam bermula jam 12 tengahari serentak di seluruh Malaysia, Isnin lepas.

Menurut Pengarah Pusat Islam UMS (PIUMS) Prof Madya Dr Muhammad Suhaimi Taat, program itu turut diadakan di Pusat Islam seluruh universiti awam dan di UMS, pihak PIUMS mengajurkan program itu bersama Majlis Tadarus dan Khatam Al-Quran Perdana.

“Majlis pada hari ini adalah kemuncak kepada program Tadarus Al-Quran yang telah dimulakan sejak 27 Mei (1 Ramadan) lalu, dan kita mengambil peluang untuk turut serta dalam kempen Malaysia QuranHour bagi merai dan meramaikan penyertaan program pembacaan al-

Quran khususnya pada bulan Ramadan,” katanya.

Majlis dimulakan dengan sesi ceramah bertajuk ‘Meraih Syafaat Al-Quran’ yang disampaikan Penolong Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia Cawangan Sabah Ustaz Al-Amin Majok, dan diikuti dengan sesi Tadarus Al-Quran secara berkumpulan, sebelum acara Khatam Al-Quran yang dipimpin Pegawai Hal Ehwal Islam Kanan UMS Ustaz Md Razali Saibin sebagai tanda bermulanya program Malaysia QuranHour.

Program yang bertempat di Masjid UMS itu berjaya menghimpunkan lebih 200 peserta terdiri daripada kakitangan dan pelajar UMS, sertamasyarakatluarantaranya pelajar dari Sekolah Rendah Islam Al-Hafidz, Bandar Sierra dan wakil dari Hidayah Centre Kota Kinabalu, sebuah pusat sokongan bagi golongan saudara baru.